

Banyak negara mahu pelajari perjuangan Umno: Khalil

Bt 2 1 JUN 2002

KUALA LUMPUR, Khamis – Setiausaha Agung Umno, Tan Sri Khalil Yaakob, berkata banyak negara di Asia, Afrika, Amerika Latin dan Eropah Timur mahu mempelajari konsep perjuangan Umno.

“Ibu pejabat Umno sudah menjadi tuan rumah kepada rombongan delegasi negara (berkenaan) yang mahu mendapat kaedah politik dan pengurusan yang diamalkan parti,” katanya ketika membentangkan laporan Setiausaha Agung pada Perhimpunan Agung Umno di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini, hari ini.

Khalil berkata, ibu pejabat Umno sedang menterjemahkan bahan penerangan, buku dan risalah mengenai ucapan pemimpin parti ke dalam bahasa Inggeris, Mandarin, Jepun, Arab dan Perancis bagi memenuhi permintaan banyak pihak luar.

Sementara itu, bahan maklumat dan risalah mengenai ucapan pemimpin parti juga sentiasa diedarkan ke semua bahagian dan cawangan, katanya.

Pada perhimpunan agung kali ini, wakil daripada 21 parti politik dari 18 negara asing menghadiri majlis perasmian yang bertumpu kepada ucapan Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Khalil berkata, Umno juga menggalakkan penubuhan kelab Umno di luar negara untuk menarik se-



PERHIMPUNAN AGUNG UMNO

18 – 22 JUN 2002

berapa ramai anggota dan sehingga ini ada 33 kelab seperti itu di luar negara dengan 12,000 orang anggota.

Beliau merakamkan penghargaan kepada Timbalan Presiden Umno, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi selaku Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Parti dan Naib-naib Presiden yang mengendalikan urusan pentadbiran, keanggotaan dan pengawasaan pilihan raya-pilihan raya kecil.

Katanya, segala persiapan bagi menjayakan Perhimpunan Agung Umno 2002 juga sudah disempurnakan dengan jayanya daripada peringkat cawangan sesuai dengan perlembagaan parti dan peraturan persidangan.

Beliau juga merakamkan penghargaan kepada pengerusi dan anggota jawatankuasa bahagian dan cawangan yang banyak membantu menyelesaikan masalah yang berbangkit bagi menyempurnakan perhimpunan agung.

“Boleh dikatakan semua cawangan yang berhak mengadakan persidangan tahunan sudah elah menyempurnakan tanggungjawabnya dan semua 145 bahagian telah mengadakan persidangan masing-masing,” katanya.

Khalil juga merakamkan penghargaan kepada Lembaga Disiplin parti yang diterajui Tengku Ahmad Rithaudden dan bekas Ketua Penerangan Umno, Datuk Mustapa Mohamed yang sudah menjalankan tugas dengan baik.

Beliau juga mengalu-alukan pelantikan Tan Sri Megat Junid Megat Ayob sebagai Ketua Penerangan yang baru.

Khalil berkata ibu pejabat Umno sudah meningkatkan kemudahan komputer khususnya dalam mengemaskini sistem maklumat dan senarai keanggotaan.

Malah, katanya, rekod laporan aktiviti yang dihantar Majlis Tertinggi, Anggota Parlimen dan Anggota Dewan Undangan Negeri sudah disusun dan diserahkan kepada Dr Mahathir.

Katanya, laman web parti, Umno On-line, dikunjungi 3.4 juta pelawat dengan 57 juta “hits” yang menjadi satu pencapaian menggalakkan dan membuktikan minat orang ramai kepada parti.

Khalil berkata, setakat 31 Mei 2002, sebanyak 18,612 cawangan Umno sudah didaftarkan.